

## **Program Polikasih@Besut bantu kerja-kerja pembaikan pendawaian rumah Dun Hulu Besut**

Oleh : Nooraini Binti Che Aziz (PRO)

27 Ogos – Bertempat di Dataran Warisan Kampung Kubang Depu telah berlangsung Majlis Perasmian Penutup Program Polikasih@Besut dengan kerjasama Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) Zon 1 Hulu Besut dan J3K Kubang Depu. Program yang dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Nawi Bin Mohamad, ADUN Hulu Besut merangkap Exco Kemajuan Luar Bandar, Usahawan, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Terengganu ini diadakan bersekali dengan Pelancaran MyBomba dan Bomba Komuniti Zon 1 Terengganu.

Program kesukarelawan pelajar ini merupakan anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Politeknik Kuala Terengganu dengan kerjasama Parlimen dan Dun Hulu Besut Terengganu. Bermula dari 25 Februari 2016 sehingga 29 Mei 2016 sebanyak 101 buah rumah telah berjaya dibuat kerja-kerja pembaikan pendawaian di tiga buah kampung terlibat iaitu Felcra Keruak termasuk perkampungan orang asli Sg.Sayap, Kampung Darau dan Kampung Kubang Depu.

Program ini bukan sahaja bertujuan untuk mengenal pasti dan membaik pulih kerosakan pendawaian elektrik di rumah-rumah yang dicadangkan malah dapat memberi keyakinan dan motivasi kepada pelajar bidang Kejuruteraan Elektrik khususnya untuk mempraktik apa yang telah dipelajari secara amali di lapangan sebenar. Selain itu, melalui program seperti ini PKT dapat melahirkan pelajar yang seimbang dalam pelbagai kemahiran generik dengan gabungan teknikal dan aktiviti kemasyarakatan. Sedikit sebanyak program ini dapat memberi manfaat kepada penduduk yang kurang berkemampuan dari segi kewangan dan juga mengurangkan kes kebakaran dan kemalangan berkaitan elektrik.

Program Polikasih@Besut telah di dokumenkan sebagai projek inovasi *e-convergence* yang dipertanding di bawah Unit Instruksional dan Multimedia peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi bagi merebut Anugerah World Choice Prize. Pelajar yang terlibat juga telah menjalani program persijilan Sijil Kecekapan dan Kemahiran dalam pendawaian elektrik bagi memberi nilai tambah kepada pelajar dalam menghadapi saingan di pasaran kerja.



**YB Tuan Haji Nawi Bin Mohamad, ADUN Hulu Besut merasmikan Majlis Perasmian Penutup Program Polikasih@Besut bersekali dengan Pelancaran MyBomba dan Bomba Komuniti Zon 1 Terengganu.**



**Puan Hajjah Radiah Binti Che Su A.M.T, Pengarah Politeknik Kuala Terengganu menandatangani plug sebagai tanda simbolik.**



**Barisan VVIP dan VIP yang hadir pada majlis tersebut.**



**Pelajar PKT yang terlibat dengan Program Polikasih@Besut bergambar kenangan dengan YB Tuan Haji Nawī Bin Mohamad dan Pengarah PKT.**